



جابتن حال إحوال إكلام إسلام قولوا قينخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**SUAPAN KITA:  
HALAL ATAU SYUBHAH?**



Tarikh Bacaan:  
**3 APRIL 2026M / 14 SYAWAL 1447H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Mantan Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



## Suapan Kita: Halal atau Syubhah?

3 April 2026M/ 14 Syawal 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ

إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾ سورة النحل

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ  
تُفْلِحُونَ.

### PARA JEMAAH YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib menyeru, marilah sekalian kita bertakwa kepada Allah dengan sebenar-benar takwa. Sedarlah bahawa hidup di dunia ini tidak kekal selamanya, akan sampai satu masa kita akan dihadapkan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* untuk dihitung segala amalan yang kita lakukan.

Justeru, betulkan niat, luruskan hati dan tumpukan perhatian terhadap kandungan khutbah ini. Ketahuilah, khutbah bukan sekadar halwa telinga yang didengari saban minggu, tetapi ia adalah peringatan yang lahir dari mimbar Rasulullah *صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ* yang mengetuk hati-hati yang lalai, menyedarkan jiwa yang alpa serta memimpin manusia menuju takwa dan reda Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*.

Mimbar hari ini mengingatkan kita dengan satu perkara penting bertajuk: **Suapan Kita: Halal atau Syubhah?**

### **SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,**

Kita kini berada di bulan Syawal, bulan kemenangan setelah melalui madrasah Ramadan yang penuh dengan tarbiah iman dan taqwa. Dalam Ramadan, kita begitu menjaga setiap suapan, berbuka dengan yang halal lagi baik, bangun sahur dengan penuh disiplin, bahkan kita menahan diri daripada perkara yang syubhah.

Persoalannya, adakah semangat itu kita teruskan selepas Ramadan? Atau kita kembali longgar dalam memilih apa yang masuk ke dalam tubuh kita? Hakikatnya, apa yang masuk ke dalam tubuh kita hari ini akan membentuk siapa kita pada esoknya. Ketahuilah bahawa makanan yang masuk ke dalam perut bukan hanya sekadar untuk menghilangkan lapar, tetapi ia juga merupakan sumber keberkatan hidup. Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* telah mengisyaratkan perkara ini dalam surah an-Nahl ayat 114:

فَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَأَشْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ إِنَّ كُنْتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿١١٤﴾

Maksudnya: *“Oleh itu, makanlah (wahai orang yang beriman) makanan yang halal lagi baik daripada rezeki yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan syukurilah nikmat Allah, jika kamu hanya menyembah kepada-Nya.”*

Imam Ar-Razi menegaskan di dalam ayat ini, Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* mendahulukan makanan yang halal lagi baik daripada melakukan amalan

soleh. Ini memberi petanda kepada manusia bahawa pengambilan makanan yang halal lagi baik memudahkan manusia melakukan amalan soleh. Manakala pengambilan makanan yang haram dan syubhah pula memberatkan tubuh badan dalam melakukan amal ibadah.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Hari ini, ada umat Islam yang mengambil ringan soal halal haram dan syubhah dalam makanan. Sebahagian kita tidak merasa segan silu makan di restoran bukan Islam yang tidak mempunyai tanda logo halal. Asalkan restoran itu memaparkan tanda *No Pork* atau *Pork Free*, mereka tetap masuk bagi menikmati masakan di situ.

Begitu juga jika sekadar memaparkan slogan “Restoran Mesra Muslim” tetapi tidak wujud logo Halal JAKIM pada restoran tersebut, maka ia adalah termasuk dalam makanan syubhah. Ada juga restoran yang menggunakan proksi selebriti untuk mengaburi pelanggan. Walaupun bahan utamanya dari sumber yang halal, namun pernahkah kita terfikir kemungkinan wujudnya elemen-elemen syubhah dalam penyediaannya? Adakah kita yakin semua bahan yang digunakan benar-benar suci dan halal serta bebas daripada pencemaran bahan haram?

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Satu kajian yang telah dijalankan oleh sebuah universiti tempatan di Malaysia mendapati, antara perkara syubhah yang berlaku di sebahagian restoran bukan Islam yang tiada logo halal JAKIM adalah:

**Pertama:** Penggunaan arak dalam masakan.

**Kedua:** Penggunaan sos, kicap dan minyak masak tanpa sijil halal yang diimport daripada luar negara.

**Ketiga:** Pekerja bukan Islam membawa masuk makanan tidak halal ke dalam premis restoran, lalu bekas makanan tersebut dibasuh bersama dengan pinggan mangkuk restoran.

**Keempat:** Penggunaan peralatan daripada sumber haiwan seperti berus makanan dan penapis air dari sumber tulang haiwan.

### **SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI,**

Menjauhi makanan syubhah adalah suatu tuntutan ke atas setiap umat Islam dan merupakan sunnah Rasulullah ﷺ. Suatu ketika Rasulullah ﷺ menemui sebutir kurma yang jatuh di tengah jalan, maka Baginda bersabda maksudnya:

*“Jika tidak kerana aku takut bahawa kurma ini adalah daripada kurma zakat, nescaya aku akan memakannya”.* (Hadis Riwayat Al-Bukhari)

Ambillah iktibar daripada kisah para ulama' silam yang sangat menjauhi makanan syubhah. Mereka hidup dengan hati yang sentiasa berwaspada dan berhati-hati kerana mereka tahu bahawa pemakanan yang haram atau syubhah akan membunuh hati, memadamkan cahaya iman dan merosakkan amal ibadah.

Imam Abu Hanifah رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pernah menolak makanan yang sudah dimasak oleh isterinya kerana khawatir ada sedikit sahaja bahan yang haram tercampur. Imam Malik رَحْمَةُ اللَّهِ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ juga pernah menolak anggur yang

diberikan kepadanya kerana kkuatir anggur tersebut berasal dari kebun yang tidak jelas status pemilikannya. Imam Ahmad bin Hanbal رَحْمَةُ اللَّهِ پولا pernah menolak daging kambing yang diberikan kepadanya kerana kkuatir kambing tersebut disembelih dengan cara yang tidak benar.

### **PARA JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Menjauhi perkara syubhah bukanlah sesuatu yang remeh. Ia berkait rapat dengan usaha memelihara kesucian agama, menjaga maruah serta memastikan kehidupan kita sentiasa berada dalam reda Allah سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى. Jangan mudah tergoda dengan nikmat dunia hingga kita menggadaikan akhirat. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

إِنَّ الْحَالَ بَيِّنٌ، وَإِنَّ الْحَرَامَ بَيِّنٌ، وَبَيْنَهُمَا أُمُورٌ مُشْتَبِهَاتٌ لَا يَعْلَمُهُنَّ كَثِيرٌ مِنَ النَّاسِ. فَمَنْ اتَّقَى الشُّبُهَاتِ، فَقَدْ اسْتَبْرَأَ لِدِينِهِ وَعَرِضِهِ...

Maksudnya: “*Sesungguhnya yang halal itu jelas, dan haram itu jelas. Di antara keduanya ada perkara yang syubhah yang tidak diketahui oleh sebahagian manusia. Barangsiapa yang menjaga dirinya daripada perkara syubhah, maka dia telah menjaga agamanya dan kehormatannya...*” (Hadis Riwayat Al-Bukhari dan Muslim)

Fikirkanlah, adakah kita sanggup membiarkan setiap suapan ke mulut kita menjadi asbab untuk dilemparkan ke dalam neraka? Bagaimana pula nasib anak-anak dan keluarga kita jika makanan mereka bersumberkan yang syubhah atau haram? Alangkah sedihnya, jika kita sebagai ketua keluarga adalah punca yang membawakan makanan syubhah tersebut kepada mereka.

## SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Ingatlah tiga rumusan penting dalam khutbah hari ini untuk panduan kita bersama:

**Pertama:** Makanan yang masuk ke tubuh kita akan mempengaruhi hati dan amal kita. Jika makanan itu haram, maka rohani kita akan malas melakukan ibadah.

**Kedua:** Menjaga daripada makanan syubhah adalah sebahagian dari menjaga agama dan maruah diri. Maka setiap suapan yang masuk ke dalam mulut kita dan anak isteri kita akan dipersoalkan di akhirat kelak.

**Ketiga:** Kita bertanggungjawab mendidik keluarga kita untuk berhati-hati dalam soal makanan. Jangan biarkan anak-anak kita membesar dengan sumber yang mencurigakan.

Firman Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى* dalam surah al-Baqarah ayat 168:

يَا أَيُّهَا النَّاسُ كُلُوا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ  
عَدُوٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦٨﴾

Maksudnya: *“Wahai manusia! Makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan! Sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang dan nyata bagi kamu.”*

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذُّكْرِ  
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،  
وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2026M/1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجٍ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 3/2024  
memutuskan bahawa:

**Pertama:** Restoran yang bertanda “free-pork dan no pork no lard”, adalah  
tidak menepati piawaian halal yang diiktiraf oleh JAKIM.

**Kedua:** Tidak sewajarnya bagi seorang Muslim membuat ulasan (review),  
promosi, atau menjadi duta bagi restoran yang sedemikian..

Oleh itu, pastikan kita hanya mengunjungi restoran yang mempunyai logo  
halal JAKIM yang sah kerana mencari yang halal itu satu kefarduan.

### SIDANG JEMAAH YANG DIMULIAKAN,

Selepas kita melalui madrasah Ramadan, Syawal mengajar kita untuk terus bermuhasabah dan melakukan audit diri, sejauh mana tarbiah tersebut membentuk kejujuran, integriti dan ketaatan kita kepada Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى**. Firman Allah dalam Surah al-Hashr ayat 18 mengingatkan agar setiap diri menilai apa yang telah dipersiapkan untuk hari akhirat. Saidina Umar **رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ** pula menegaskan: “Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisab.”

Dalam kehidupan ini, setiap amanah sama ada dalam keluarga, pekerjaan mahupun harta akan dipersoalkan di hadapan Allah. Maka, sebagaimana wujudnya sistem audit bagi memastikan ketelusan di dunia, kita lebih dituntut untuk melaksanakan “audit diri” dengan memperbaiki kelemahan, meluruskan niat dan menunaikan amanah dengan penuh tanggungjawab. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba yang jujur, amanah dan memperoleh reda Allah **سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى** di dunia dan akhirat.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ  
الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ  
مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وِلايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا حُصُوصًا وَلايَةً قُولاو فَيُنِغَ آمِنًا مُطْمَئِنًّا  
سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيْمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُوعَمَاءَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَأَشْمَلِ اللَّهُمَّ بِعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيْقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka  
Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Haji Ramli bin Ngah Talib,  
Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang dan Yang Mulia Toh Puan Raja Dato'  
Seri Utama Noora Ashikin binti Raja Abdullah.

“Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang;  
Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang istiqamah mendirikan  
solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat melalui Zakat MAINPP dan  
melaksanakan waqaf melalui Wakaf MAINPP.

Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian, serta  
berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam Negeri  
Pulau Pinang (MAINPP) dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-  
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.”

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوا  
عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولاه فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG